

Rancangan Pengajaran Harian

Mata pelajaran : Bahasa Melayu
Tahun : 3 Merah
Bil. Murid : 37 orang
Tema : Patriotisme
Tajuk : Sumbangan tokoh-tokoh negara
Tarikh : 9 Ogos 2008
Masa : (60 minit)

Objektif : Pada akhir pelajaran, murid dapat:

- i) Mendapatkan maklumat dan isi penting serta mencatat nota daripada artikel yang dibaca.
- ii) Murid dapat menceritakan perkara atau maklumat yang diperoleh dengan bahasa yang mudah difahami.
- iii) murid dapat membina ayat tunggal berdasarkan apa yang telah dibaca.

9.2 Mengenalpasti maklumat dan nota daripada bahan yang didengar atau dibaca.

Aras 2

(i) Mengenalpasti maklumat dan mencatat nota peringatan

2.2 Melaporkan sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan tepat

Aras 2

(i) memberi penerangan tentang sesuatu yang diperolehi dengan menggunakan ayat yang jelas.

8.1 Membina dan menulis perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk.

Aras 1

i. Membina ayat tunggal daripada perkataan yang diberi dengan tulisan yang cantik

Kemahiran Bahasa : Membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

Sistem Bahasa : Kosa kata: perpaduan, penjajah, moden
Sintaksis: Ayat majmuk

Ilmu : Muzik dan Kajian Tempatan

Nilai : Bekerjasama, Patriotisme , Kebebasan

Kemahiran Bernilai Tambah(KBT)

Kemahiran Berfikir : Menjana idea, membuat keputusan , menganalisis

Kemahiran Belajar : Mencatat nota dan melapor maklumat

Kecerdasan Pelbagai: Verbal-linguistik, interpersonal, muzik

Pengetahuan Sedia Ada:

Murid pernah terlibat dengan sambutan kemerdekaan di sekolah.

Murid pernah diajar mengenai ayat majmuk sebelum ini.

BBB : Lagu dan Lirik Lagu “Tanggal 31” , powerpoint tokoh-tokoh negara, LCD, pembesar suara, Mikrofon, borang penilaian rakan sebaya.

Isi pelajaran	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Catatan
Lagu “ Tanggal 31” Tajuk pelajaran pada hari ini adalah ‘Sumbangan tokoh-tokoh Negara’	Set induksi (5 min) 1) Murid diminta untuk membuka persembahan Powerpoint yang disediakan oleh guru. 2) Guru memainkan lagu Tanggal 31 daripada komputer guru dan menyambungkannya ke pembesar suara. Kemudiannya menyayikan lagu tersebut bersama-sama murid berdasarkan lirik lagu yang	ABM- komputer, alat pembesar suara. KP-Muzik

	<p>terdapat pada powerpoint.</p> <p>3) Guru bersoal jawab dengan murid berkenaan lagu tersebut dan perkaitannya dengan peristiwa penting bagi negara.</p> <p>4) Guru mengaitkan lagu tersebut dengan tajuk pelajaran pada hari ini.</p>	
<p>Kumpulan :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cemerlang 2. Gemilang 3. Terbilang 4. Berdaulat <p>Kosa kata:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kemerdekaan • Penjajahan • Perpaduan 	<p>Langkah 1(10 minit)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Murid dibahagikan kepada 4 kumpulan. 2) Setiap kumpulan perlu mengelik pada pautan yang terdapat di dalam powerpoint yang disediakan mengikut kumpulan masing-masing. 3) Setiap pautan mengandungi artikel berkenaan empat bekas Perdana Menteri Malaysia. 4) Guru kemudiannya meminta untuk murid-murid membaca artikel berkenaan dan merakam pembacaan mereka dengan menggunakan movie maker. 5) Setiap pembacaan murid akan didengar oleh guru dan rakan-rakan yang lain. 6) Guru kemudiannya akan menegur dan membetulkan 	<p>BBB- komputer, mikrofon, dan pembesar suara:</p> <p>Nilai – Patriotisme.</p>

	sekiranya ada kesalahan sebutan dalam pembacaan murid.	
<p>Sumbangan-sumbangan tokoh-tokoh negara.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bapa Kemerdekaan • Bapa Pembangunan • Bapa Perpaduan • Bapa Permodenan. 	<p>Langkah 2 (15 min)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru kemudiannya meminta setiap kumpulan membaca kembali setiap petikan masing-masing sekali lagi. 2. Guru meminta untuk setiap kumpulan mendapatkan isi penting berkenaan artikel yang dibaca. 3. Setiap isi penting perlu dicatat dalam bentuk notepad ataupun word. 	<p>ABM-komputer.</p> <p>KB: mengkategori</p> <p>BCB: mengumpul dan menganalisis maklumat.</p> <p>Nilai: kerjasama</p>
<p>Kumpulan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cemerlang (Tunku Abd Rahman) 2. Gemilang (Tun Abd Razak) 3. Terbilang (Tun Hussien Onn) 4. Berdaulat (Tun Mahathir Mohamad) <p>Murid membentangkan hasil perbincangan.</p>	<p>Langkah 3 (15 minit)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru kemudiannya mengarahkan setiap kumpulan untuk membentangkan hasil kerja mereka. 2. Pembentangan perlu dibuat dalam bentuk powerpoint. 3. Guru mengedarkan borang penilaian rakan sebaya kepada setiap kumpulan untuk menilai pembentangan yang akan dilakukan oleh rakan mereka daripada kumpulan 	<p>BBB – LCD, borang penilaian grafik</p> <p>KB- Membuat keputusan, Menganalisis</p> <p>BCB: memproses maklumat, melapor, menilai</p>

<p>(Tunku Abd Rahman: -bapa kemerdekaan -membawa negara kepada pembebasan penjajah -membentuk Malaysia</p> <p>(Tun Abd Razak: -bapa pembangunan -Dasar ekonomi baru -Pembangunan luar bandar-FELDA</p> <p>(Tun Hussien Onn) -bapa perpaduan -menyatupadukan rakyat -Rukun negara</p> <p>(Tun Mahathir Mohamad) -bapa permodenan -wawasan 2020 -kereta nasional -KLCC</p>	<p>yang lain.</p> <p>4. Wakil daripada setiap kumpulan akan mempersembahkan hasil kerja mereka.</p> <p>5. Kumpulan yang lain harus mendengar hasil perbentangan dan menilai kumpulan yang membenteng.</p>	<p>KP- Interpersonal Nilai: berkerjasama Rasional</p>
<p>Pembentangan yang baik:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Suara yang jelas - Sebutan yang 	<p>Langkah 4 (10 min)</p> <p>1. Guru kemudiannya membuat sal jawab daripada hasil</p>	<p>KB-Menjana Idea BCB:</p>

<p>tepat</p> <ul style="list-style-type: none"> - intonasi - Idea bernas - Tepat - Paparan persembahan yang menarik <p>Kata hubung:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dan • Tetapi • Yang • Namun • Serta • bahawa 	<p>perbentangan setiap kumpulan tentang sumbangan-sumbangan tokoh-tokoh tadi.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Kemudian, guru meminta wakil daripada setiap kumpulan untuk memberi komen dan markah perbentangan kumpulan-kumpulan yang lain berdasarkan borang penilaian yang diedarkan tadi. 3. Guru kemudian meminta setiap pelajar untuk mencari ayat majmuk yang terdapat dalam teks. 4. Pelajar diminta untuk menulis lima ayat majmuk yang terdapat dalam teks. 	<p>perbincangan</p>
<p>Kognitif: Murid mengimbas kembali apa yang dipelajari.</p> <p>Sosial : Murid dapat mengemukakan pandangan dengan jelas dan keyakinan diri</p>	<p>Penutup (5 min)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid diminta menyatakan perkara-perkara yang telah dipelajari. 2. Guru membuat rumusan tentang tajuk yang dipelajari. 3. Guru kemudian menyentuh serba sedikit tentang teknik perbentangan yang baik dan memuji kepada kumpulan yang telah membuat 	<p>Nilai: Bekerjasama, Rasional, Patriotisme</p>

disemai.	perbentangan dengan baik. 4. Guru mengucapkan terima kasih kerana murid memberikan perhatian.	
----------	--	--